

## **BAB KEDUA: PERTEMBUNGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI DENGAN PERADABAN INDIA DAN PERADABAN CHINA**

### **2.1 Pengenalan**

Menurut Quigley, percampuran antara dua atau lebih budaya adalah perkara biasa yang sentiasa berlaku. Percampuran ini adalah hasil daripada pertembungan antara peradaban yang berbeza. Quigley meletakkan proses percampuran ini sebagai tahap pertama daripada tujuh tahap yang dibincangkan dalam teorinya. Berkenaan dengan proses ini, beliau menyatakan:

*“Every civilization, indeed every society, begins with a mixture of two or more cultures. Such mixture of cultures is very common; in fact, it occurs at the boundaries of all cultures to some extent.”*  
(Quigley, 1961:146)

Menurut ahli sejarah, pertembungan antara peradaban Melayu dengan peradaban India dan China sudah lama wujud. Ternyata pertembungan tersebut membawa kepada proses percampuran seperti yang disebut Quigley. Proses percampuran budaya dengan peradaban India adalah melalui Kerajaan Majapahit. Menurut Sejarah, Brunei pada mulanya merupakan jajahan takluk Majapahit. Di sinilah mengalirnya pengaruh India. Kerajaan Brunei sebagai salah sebuah daripada pusat peradaban Melayu juga tidak ketinggalan mempunyai interaksi dengan peradaban China. Dengan merujuk sumber asing seperti sumber China, terdapat banyak contoh menunjukkan wujudnya jalinan diplomatik, perdagangan

maritim melibatkan pertembungan yang harmoni dan aman antara Kesultanan Brunei dan negara China. Satu tulisan oleh seorang penulis, Gerald H. Krausse berkaitan dengan pertembungan India dan China adalah seperti berikut:

*“As to archaeological evidence in Brunei, two sites, Kota Batu (Stone Fort) and Kupang, have produced indications of contact with Chinese and Indianized civilizations. At Kota Batu, Brunei oldest capital, researched uncovered old Bruneian and Chinese coins as well as Chinese ceramic artifacts. Most of the coins date from the dynastic period beginning in A.D. 960 and ending in 1450s; the ceramics assembly dates between 1530 and 1580 (Harrison 1970). Two dated tombstones found at Kota Batu were from the early Ming Dynasty. These Chinese objects found at sites in Brunei demonstrate not only Brunei’s antiquity, but also its span of influence and level of development before the arrival of the Europeans” (Gerald H. Krausse, 1995: 364)*

## **2.2 Interaksi Dengan Peradaban India**

Dalam membicarakan pertembungan dengan Peradaban India, memang tidak dapat dinafikan wujudnya unsur Hindu dalam peradaban Melayu hasil daripada pertembungan tersebut. Malah ada pendapat yang menyatakan bahawa nama Brunei itu sendiri ada kemungkinannya berasal daripada bahasa Sanskrit yang dibawa oleh peradaban India yang membawa makna ‘turunan dari laut’ atau ‘kelahiran laut’. (Yahya Ibrahim, 1969:28).

Syair karangan Parapanca pada tahun 1635M bertajuk Negara Kertagama menyebut bahawa Brunei Darussalam adalah dibawah naungan Majapahit yang ke dua puluh tiga. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan keterangan dalam Salasilah Raja-Raja Brunei yang menyatakan bahawa Brunei telah menghantar ufti kepada Majapahit. (Mohammad Abd. Rahman, 2001:6) Ini menunjukkan Peradaban India telah berada di Brunei sejak awal lagi. Pada tahap ini, masyarakat Melayu belum lagi menganut sebarang agama dan masih lagi mengamalkan amalan animisme.

Jika kita menganalisa bentuk pertembungan yang berlaku dengan Peradaban India pada tahap awal ini berdasarkan kategori yang digunakan oleh Quigley sebagai tahap percampuran (*mixture*), berlaku proses percampuran dua budaya. Wujudnya unsur daripada peradaban India hasil proses percampuran dengan budaya tempatan, telah memberi kesan kepada peradaban Melayu. Beberapa orang pengkaji melihat pengaruh peradaban Hindu amat mendalam di Brunei. Sebagai sebuah negara dalam jangka masa yang begitu lama berada di bawah pemerintahan dua kuasa Hindu yang kuat, Majapahit dan Sriwijaya, sudah pasti pengaruh peradaban Hindu yang dibawa kedua-dua kerajaan tersebut meresapi penduduk tempatan. (James Ongkili, 1972:4,). Namun begitu sebahagian sarjana yang lain melihat pengaruh peradaban Hindu tidaklah memberi kesan yang besar kepada peradaban Melayu, termasuklah Brunei (Syed Naquib Al-Attas, 1990:12) Kesannya hanyalah pada aspek tertentu yang bersifat luaran dan ia tidak meluas. Pengaruhnya tidak dapat dilihat dalam bentuk kesan tinggalan seperti rumah, berhala, patung atau candi seperti sesetengah tempat,

sebaliknya di Brunei ia dimanifestasikan dalam bentuk upacara, pemakaian adat istiadat, penggunaan bahasa Sanskrit dan juga dalam beberapa adat-istiadat seperti perkahwinan. (Hj. Mohamad Abd. Rahman, 2001:13 dan Haji Md. Zain Haji Serudin, 1992:34). Seorang ahli sosiologi Brunei pula pernah menyatakan;

“Kita tidak menafikan adanya pengaruh Hindu dalam kosmos Brunei, tetapi pengaruh itu tidak mengakar dan merata di kalangan massa. Ia mungkin tersebar dan dapat mempengaruhi kalangan karton atau istana. Sebagai contoh yang jelas ialah kewujudan istilah Raja yang berasal daripada devaraja, konsep daulat iaitu Raja dianggap sebagai makhluk yang tidak pernah melakukan kesalahan dan dalam masa yang sama melahirkan konsep '*nature of power*', termasuk mempunyai kuasa ghaib/daulat sama ada dilambangkan oleh keturunan, tempat kediaman dan kedudukannya mahupun material budaya yang sentiasa berada dalam lingkungannya, iaitu yang dapat mengekalkan nature of power Raja, kerana material budaya tersebut terlarang rakyat biasa menggunakannya atau memilikinya, umpamanya keris sakti, payung kuning, warna kuning, nobat, bahasa tinggi atau bahasa dalam dan lain-lain.”(Hashim Abd. Hamid, 1999:165-166)

Justeru itu, kesannya lebih kepada golongan istana tetapi tidak kepada masyarakat ramai. Begitu juga tidak terdapatnya sebarang tinggalan samada berbentuk penempatan ataupun tempat peribadatan seperti yang berlaku di Kepulauan Jawa. Perkara ini telah disebut seorang penulis sebagai:

“Sebelum agama Islam berkembang seperti juga yang berlaku di negara-negara lain di alam Melayu, Brunei terbihi dahulu

menerima pengaruh Buddha dan Hindu. Walau bagaimanapun oleh sebab ajaran dalam agama Hindu ini tidak mementingkan hal-hal berhubung dengan ajaran luhur dan murni, ia hanya lebih banyak mementingkan hal-hal berhubung dengan upacara dan mengagungkan dewa-dewa menyebabkan ia tidak dapat mengubah pandangan hidup masyarakat Brunei khasnya dan masyarakat alam Melayu umumnya yang berdasarkan seni dan bukan berdasarkan falsafah. Di Brunei walaupun tidak terdapat kesan peninggalan Hindu dalam bentuk rumah berhala seperti Candi Borobudur di Jawa, namun kesan peninggalan dalam bentuk lain masih menjadi amalan sehingga kini umpamanya dalam adat istiadat, penggunaan bahasa, istiadat perkahwinan dan lain-lain. Tetapi kebanyakan kebiasaan seperti itu telah diubah agar bersesuaian dengan ajaran Islam supaya tidak menyalahi ajaran agama Islam yang maha suci.” (Jawawi Ahmad, 2001:)

### **2.3 Pengaruh Peradaban India**

Seorang penulis Brunei menulis tentang pengaruh Peradaban India dengan katanya:

“Kebudayaan India membawa pengaruh yang besar memang tidak dapat dinafikan, tetapi sama sekali tidak meninggalkan warisan nenek moyangnya. Sebenarnya yang berlaku bukanlah satu ‘*cultural revolution*’ yang meruntuhkan sama sekali kebudayaan asli, tetapi ialah proses difusi atau akulturasi kerana keperibadian yang asal masih tidak hilang meskipun sudah digugat oleh unsur-unsur kebudayaan asing. Ertinya disamping terdapat kesan perubahan akibat berlakunya pertembungan budaya, dari sudut-

sudut tertentu, warisan peribumi masih bersambungan dan menunjukkan kematangannya bagi menghadapi cabaran-cabaran dari luar.” (Abdul Rahman Abdullah, 1990:23)

Pengaruh Peradaban India dapat dilihat dalam Peradaban Melayu di Brunei Darussalam dalam beberapa aspek seperti:

### **2.3.1 Penggunaan Bahasa Sanskrit**

Pengekalan serta penggunaan bahasa Sanskrit merupakan salah satu pengaruh dari peninggalan peradaban India apabila bertembung dengan Peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Penggunaan bahasa ini tidak berkembang secara meluas dalam masyarakat sebaliknya hanya terhad kepada masyarakat istana terutamanya dalam upacara pengurniaan kurnia. Ini dijelaskan seperti berikut

“Contoh yang paling menonjol adalah penggunaan bahasa Sanskrit dalam ‘ciri’ ketika raja Brunei mengurniakan suatu gelaran kepada seseorang dan nama-nama gelaran yang dikurniakan kepada pembesar-pembesar negara Brunei hingga sekarang ini masih menggunakan bahasa Sanskrit seperti Maharaja Lela, Paduka Tuan, Indera Mahkota, Kesuma Negara, Dewa Negara, Perdana Wangsa, Amar Diraja, Ratna Diraja, Udana Laila dan lain-lain lagi.” (Haji Md. Zain Haji Serudin, 1992:34-35)

### 2.3.2 Pengurniaan Gelaran

Sewaktu upacara pengurniaan gelaran di Brunei Darussalam, pengaruh peradaban India dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa aspek. Antaranya penggunaan nama-nama gelaran yang dikurniakan menggunakan bahasa Sanskrit seperti nama Indera, Dewa, Dipa, Rama dan lain-lain. Pengekalan elemen Peradaban India tersebut mempunyai sesuatu tujuan seperti yang dinyatakan oleh Haji Mohammad Abd. Rahman:

“Nampaknya, bahagian bahasa Sanskrit ini dikekalkan bukan sahaja kerana telah menjadi sebahagian daripada adat istiadat negara sejak berkurun-kurun yang lalu malah juga untuk menunjukkan bahawa Brunei Darussalam adalah negara yang tua dalam sejarah dan peradabannya yang menjadikannya dewasa dan matang dan secara tidak langsung memperlihatkan keunggulan dan keunikan Brunei Darussalam dalam memelihara tradisi yang tulen.”(Mohammad Abd. Rahman, 2001:16)

Abd. Latif Ibrahim dalam melihat pengaruh Peradaban India terhadap Peradaban Melayu di Brunei menyebut

“Istilah-istilah Brunei masa kini yang terdapat dalam struktur sosial dan sistem politik tradisi seperti Pengiran, Pateh, Juru, Damong dan Kaola adalah tanda-tanda jelas sejauh mana perlambangan Hindu-Majapahit ini telah meresap dalam masyarakat Brunei. Walaupun istilah ini tidak hilang dengan kedatangan Islam yang juga menyebabkan kejatuhan Kerajaan Majapahit, Brunei nampaknya telah mengubahsuai satu rangka

yang dapat memperkembangluaskan sistem politik tradisi berdasarkan pengaruh Hindu-Jawa.” (Abd. Latif Ibrahim; 1994: 75)

Berdasarkan analisa di atas, boleh kita katakan bahawa terdapat sedikit pengaruh Peradaban India terhadap Peradaban Melayu di Brunei terutamanya dari segi penggunaan istilah dari Bahasa Sanskrit yang digunakan terutamanya dalam bahasa istana dan pengurniaan gelaran.

## **2.4 Interaksi Dengan Peradaban China**

Interaksi dengan peradaban China merupakan satu satu interaksi yang telah bermula lama sejak dahulu lagi. Walaupun mempunyai latar belakang sistem kepercayaan yang berbeza, namun bentuk pertembungan yang berlaku sangat menarik untuk dikaji dan dianalisa. Sebelum membincangkan lebih lanjut interaksi antara Peradaban Melayu dengan Peradaban China serta pengaruhnya terhadap Peradaban Melayu, kita bincangkan terlebih dahulu asas Peradaban China yang bertunjangkan ajaran Konfusianisme.

### **2.4.1 Pandangan Semesta Konfusianisme**

Dalam memahami peradaban China, kita perlulah melihat secara mendalam kepada aspek asas yang menjadi tunjang kepada peradaban tersebut. Peradaban China didasari oleh ajaran Konfusianisme. Konfusianisme merupakan ajaran yang diasaskan oleh Kung Fu Tze di China pada abad ke-5 SM.



“Asal perkataan Konfusius adalah daripada sebutan orang Eropah iaitu “Kong Fu Tze”. Kong ialah nama keluarga dan Fu Tze pula bererti “Guru Yang terhormat”. Kung Fu Tze berasal dari keluarga bangsawan tetapi ibu bapanya adalah miskin. Kung Fu Tze disifatkan sebagai seorang yang pendiam, mempunyai daya fikiran yang tajam, rajin dan taat kepada ibu bapanya”. (Sri Rahayu Ismail, 1998: 82)

Suasana politik pada ketika itu mendorong Kong Fu Tze mengubah cara hidup mereka agar dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Kung Fu Tze juga merupakan seorang yang suka merantau ke merata-rata tempat bagi menyebarkan ajarannya. Beliau meninggalkan keluarganya untuk mengajar pengikutnya mengenai cara hidup yang lebih sempurna. Ajaran yang ditekankan ialah harus mempunyai sifat-sifat terpuji seperti amanah, baik hati, menghormati orang yang lebih tua seperti ibubapa, dan juga taat kepada pemerintah. Beliau berpendapat bahawa pemerintahan mestilah berada dalam kekuasaan orang yang berkebolehan dan berperibadi mulia. Di samping itu juga, beliau menekankan kepentingan pendidikan bagi seseorang untuk memperkayakan kebolehan dan mengukuhkan keperibadiannya.(Warren W. Smith, 1973:1-3)

Dalam pada itu, Konfusius telah menyatakan bahawa penyelesaian dalam diri merupakan pencapaian yang terbaik untuk keharmonian di dalam konteks sosial berhieraki iaitu melalui penguasaan kod tingkah laku, moral dan budaya bina diri serta amalan bertanggungjawab dalam pentadbiran berdasarkan merit. Selain itu juga, Konfusius menekankan kepada kepentingan nilai-nilai

kekeluargaan terutamanya menghormati orang yang lebih tua dan nilai-nilai pendidikan. Beliau menjelaskan keadaan masyarakat dari perspektif kekuasaan politik walaupun beliau seorang humanis yang percaya terhadap kemuliaan asas dan autonomi individu yang terhad.

Dalam membincangkan falsafah dan pemikiran peradaban China, satu perkara penting yang tidak boleh dinafikan lagi ialah ianya diwarnai oleh prinsip-prinsip serta nilai-nilai moral dan etika yang terkandung di dalam ajaran Konfusius. Prinsip-prinsip tersebut telah mempengaruhi sudut falsafah dan pemikiran peradaban China secara menyeluruh.

Warren W. Smith (1973:77) menjelaskan bahawa ajaran Konfusius menekankan kepada lima prinsip dalam menjaga hubungan sesama manusia iaitu:-

1. Rakyat mestilah patuh kepada raja
2. Anak lelaki hendaklah patuh kepada ayah
3. Adik lelaki hendaklah patuh kepada abang
4. Isteri patuh kepada suami
5. Kawan setia kepada kawan

Melalui prinsip-prinsip ini telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran peradaban China dengan melahirkan semangat patriotik dan cintakan negara. Prinsip ini juga menggambarkan nilai etika dalaman yang perlu diperkukuhkan bagi menjamin keseimbangan sosial. Hubungan dua hala tersebut sangat mustahak dalam memberi faedah kepada kedua belah pihak. Ia telah dijadikan asas yang diamalkan oleh pemerintah dalam konteks hubungan diplomatik antara negara bagi menjalin persahabatan dengan jujur dan saling bantu-membantu sesuai dengan konsep memakmurkan jiran. (Lok Chong Hoe, 1998:106).

Prinsip lima perkara ini juga telah mengariskan perhubungan yang sentiasa aman dan tenteram dengan adanya perasaan hormat-menghormati di antara ahli keluarga, budi pekerti yang baik, bertanggungjawab, bersikap jujur serta amanah. Melalui perhubungan tersebut membuktikan bahawa ajaran Konfusius tidak mahu berlakunya penindasan dan konsep ini dipraktikkan untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia dan aman.

Ajaran Konfusius diasaskan oleh Kung Fu Tze banyak menyentuh tentang pemerintahan yang baik. Antara ajaran yang menjadi asas kepada Peradaban China ialah konsep Li dan Ren. Kedua konsep ini disebut

“Ren yang dinyatakan oleh Konfusius bagi membayangkan pemerintahan berdasarkan perikemanusiaan dalam bidang politik. Sumbangan terbesar konfusius ke atas kebudayaan China ialah kosep ‘ren’ yang pernah dikemukakan olehnya.” (Ling Liong Ngo, 2000:70)

Manakala dalam menjelaskan konsep 'li' pula disebut:

“Sebenarnya dalam fahaman politik Konfusius, 'ren' dan 'li' didapati berhubung rapat antara satu sama lain. Kedudukan 'li' dalam falsafah politik Konfusius lebih rendah daripada kedudukan 'ren'. 'Ren' adalah fikiran dalaman yang berkaitan dengan moral dan emosi, 'li' pula ialah kelakuan luaran berkenaan dengan perangai etika dan kesopanan. Ini bermakna 'ren' adalah dasar dalaman, manakala 'li' pula merupakan prestasi luaran. 'Ren' menentukan prestasi 'li' dan 'li' pula membayangkan 'ren'” (Ling Liong Ngo, 2000:70)

#### **2.4.2 Interaksi Dengan Peradaban China**

Hubungan Brunei-China telah berlaku sejak awal lagi. Catatan sejarah menunjukkan Brunei sebagai sebahagian daripada jajahan takluk Majapahit. Namun begitu setelah Awang Alak Betatar, Raja Brunei mengistiharkan keluar daripada jajahan takluk Majapahit, Brunei mula menjalin hubungan dengan China. Ini merupakan hubungan awal antara Brunei dengan China. (Hashim Abd. Hamid, 1994:62) Berdasarkan catatan sejarah, hubungan itu lebih berbentuk kepada hubungan perdagangan dan persahabatan, dan tidak dalam bentuk peluasan wilayah, penyebaran agama ataupun pengambilan kekayaan. Walaupun terdapat sistem ufti diamalkan, namun ia digambarkan tidak bersifat penjajahan, sebaliknya adalah satu strategi dalam menjamin dan melicinkan perdagangan China. (Abdul Latif Haji Ibrahim, 2001: 2)

Menurut Zainun Johari yang mengkaji mengenai hubungan luar Brunei menyebut tentang interaksi dengan China.

“Berdasarkan rekod rasmi negara China nama P’oli pertama kali disebut di dalam Dinasti Liang (502-566 A.D.). Nama tersebut juga tercatat di dalam rekod Dinasti Sui (589-618) dan T’ang. Menurut rekod–rekod dinasti ini, P’oli telah mengirim ufti ke China pada tahun 517 AD, 522 AD dan 616 AD. Pengiriman ini diteruskan oleh Kesultanan Brunei pada 630 AD. (Zainun Johari, 1989:23)

Interaksi awal adalah semasa Brunei mengirim ufti kepada China. Ia sebagai tanda hubungan dua negara dan dalam masa yang sama membantu memperkembangkan lagi perdagangan. Proses perhubungan Brunei dengan empayar China mencapai kemuncak pada tahun 1408M apabila Raja Brunei melakukan kunjungan ke negeri China. Kunjungan oleh Raja Mananegara (Maharaja Karna) mempunyai signifikansi kepada sejarah Brunei. Anugerah prasasti yang berupa pengiktirafan sebagai kerajaan berdaulat serta pelantikan Raja P’oni sebagai Raja Agung State Mountain) diiringi dengan anugerah cop mohor dan surat tauliah sangat penting kepada Kerajaan Brunei. Ia menjadi simbol serta pengiktirafan terhadap kerajaan Brunei serta perlindungan daripada gangguan kerajaan lain.(Awang Zainuddin, tt). Raja P’oni mangkat di China dan Maharaja China telah melantik Hi-Wang (Si Awang) anak Raja P’oni sebagai raja yang baru. Selain daripada itu interaksi kedua belah pihak diperkuat dengan

perkahwinan diraja. Menurut Tarsilah Brunei yang menceritakan secara mendalam sejarah kesultanan Brunei, Sultan Brunei kedua, Sultan Ahmad telah berkahwin dengan adik seorang utusan Maharaja China.

Interaksi terus berlaku antara kedua peradaban walaupun berlaku perubahan dari satu dinasti ke satu dinasti yang lain. Dalam buku yang mengisahkan pelayaran Cheng Ho, Prof. Kong Yuanzhi telah menjelaskan hubungan antara Tiongkok-Brunei sekitar abad ke-15.

“Pada tahun 1405 utusan yang dikirim oleh Raja Brunei Maharaja Karna mendapat sambutan hangat di Tiongkok, antara lain mereka dihadiah cenderamata yang berharga, yakni stempel kerajaan, sutra dewangga dan sebagainya. .... Tiga tahun kemudian yaitu pada tahun 1408m, baginda sendiri telah memimpin suatu rombongan terdiri daripada permaisuri, putra-putri, menteri dan hulubalang yang berjumlah lebih dari 150 orang untuk berkunjung ke Tiongkok.” (Kong Yuanzhi, 2000:121)

Hubungan tersebut bukan terhenti setakat itu sahaja malah diikuti oleh pemerintah seterusnya. Sejarah persahabatan antara Tiongkok-Brunei ini terus berpanjangan dalam keadaan baik dan harmoni.

“Berdasarkan catatan buku sejarah Tiongkok, sebelum pemerintahan Maharaja Karna sudah terjalin hubungan diplomatik antara Tiongkok dengan Brunei. Misalnya, buku Song Shu mencatatkan bahawa pada 2 Mei 473M ada utusan kerajaan Puoli (Brunei) ke Tiongkok untuk menyampaikan “upeti”. Demikian

catatan Feng Chengjun dalam bukunya 'Xi Yu Nan Hai Kao Zheng Ye Cong Jiu Bian' (Sembilan Bab tentang Argumen dan Terjemahan pada Sejarah Laut Selatan Kawasan Barat). Bahagian "Sudah ada Hubungan Tiongkok-Brunei Sebelum Dinasti Liang (502-557)" bererti pada pertengahan ke-2 abad ke-5 sudah terjalin hubungan antara kerajaan Brunei dengan Kerajaan Tiongkok. Dalam buku "Song Shi" tercatat pula bahawa pada tahun 977 Raja Brunei pernah mengirim utusannya yang bernama Sina, Abu Ali dan Kasim untuk menyampaikan "upeti" kepada Kaisar Tiongkok."(Kong Yuanzhi, 2000:125)

Sepanjang sejarah tersebut, Brunei tidak pernah ditundukkan oleh Tiongkok. Kenyataan ini sangat mustahak dalam menganalisa bentuk pertembungan yang berlaku. Ini dapat membuktikan bahawa pertembungan yang berlaku antara kedua peradaban adalah bersifat harmoni dan aman. Malah terdapat di kalangan maharaja China yang melarang sama sekali tindakan menakluk negara lain termasuklah Brunei.

"Sampai Dinasti Ming (1368-1644 M) persahabatan China dengan negara-negara jiran telah meningkat sampai ke suatu tahap baharu. Ini disebabkan oleh titah Maharaja Ming Thai Zhu bernama Zhu Yuan Zhang dalam mana ia mengatakan bahawa tidak boleh menakukkan negara-negara kecil di antaranya termasuk Korea, Liu Chiu (Jepun), Zheng La (Kemboja), Siam, Solo, Jawa, Sumatra, Poni (Brunei) dan lain-lainnya. Maharaja Ming Zhu berpesan lagi: "Beta kkuatir cucu cicit beta akan bersandarkan kekuatan China, sombong dengan kemenangan dalam peperangan, tanpa sebab mereka akan mengirim tentera membunuh rakyat.

Ingat betul-betul, ini sekali-kali tidak dibenarkan!” Sejak itu kerajaan China telah mengambil banyak tindakan untuk bersahabat dengan negara-negara jiran.” (Wu Zong Yu, 1994:451)

Terdapat juga catatan yang menyebut tentang interaksi yang berlaku dalam bentuk perdagangan. Wheatley membincangkan dengan terperinci berkaitan Perdagangan Maritim Dinasti Sung. Beliau menyebut Brunei sebagai Po-ni atau Borneo dan menyatakan tentang komoditi yang diperdagangkan antara China dan Po-ni seperti Tortoise-shell (Tai-mei), Porcelain and Pottery (Tzu chi), champor (nao tzu) dan lain-lain. Dasar Pemerintah China yang menggalakkan perdagangan menyemarakkan lagi perdagangan Maritim. Contohnya Wheatley 1959:30 memetik kata seorang Maharaja China:

*“... and the Emperor issued his famous edict: “The profit from maritime trade is very great and, if properly managed, would amount to millions of strings of cash. Would it not be preferable to promote this trade rather than to tax people? Because I hope to lighten their burdens I have paid special attention to this problem.” (Wheatley, 1959:30)*

Dasar inilah telah menggalakkan perdagangan maritim yang sihat. Menurut Wang Gung Wu pula:

*“It is well-known that trade long preceded the political and cultural conquest of China Sea by the Chinese. The Chinese exchanged their silks and other manufactured goods for luxury*



*goods like ivory, pearls, tortoise shells, kingfisher and peacock feathers, rhinoceros horns and cinnamon and scented woods. With growing prosperity in the Huang Ho plains, the demands for these goods increased and this demands may have been the strongest single motive for the southward expansion of Chinese political power. By the end of the 4<sup>th</sup> Century B.C., the Chinese had extended some control over the areas south of the Yangtse river. The final drive to the Nanhai, the Southern Sea, was only a matter of time.” (Wang Gungwu, 1958:4)*

Selain daripada itu, penemuan arkeologi seperti tembikar dan mata wang juga mengukuhkan lagi fakta tentang wujudnya interaksi perdagangan dengan China. Jelas kepada kita, Brunei pada zaman tradisionalnya pernah mempunyai interaksi yang erat dengan peradaban China. Sabihah Osman dalam menjelaskan tentang interaksi Brunei dengan China sebagai:

“Menurut laporan Marco Polo, seorang pengembara Itali yang telah melawat negeri China dan negeri-negeri di rantau ini menyatakan bahawa pada tahun 1291, perdagangan antara Puni dengan China berjalan dengan baik. Apabila saudagar China sampai ke Puni, mereka akan menghadapkan persembahan kepada raja Puni. Baginda juga akan turun ke pelabuhan dengan diiringi oleh pembesar-pembesar negara bagi mengalu-alukan kedatangan saudagar Cina.... Selain itu juga ia telah menampakkan kepada mereka kemantapan ekonomi Brunei pada ketika itu yang sentiasa diambil perhatian oleh para pembesar dan raja. Kemantapan ekonomi ini bertambah kukuh dengan penggunaan mata wang mereka sendiri yang dikenali dengan nama “kue” atau disebut juga

dengan nama “pitis”. Wang syiling Cina ini telah digunakan pada tahun 723-1425.”( Sabihah Osman, 1995:36)

Kesan hubungan antara China dengan Brunei juga dapat dilihat daripada tinggalan sejarah dan kesan arkeologi yang ditemui. Penemuan batu nisan serta tembikar menjadi sebahagian daripada saksi kepada hubungan muhibbah peradaban China dan Peradaban Melayu di Brunei. Contohnya manik-manik dan tembikar Cina yang ditemui di Kota Batu. (Sabihah Osman, 1995:37)

Satu persoalan yang menarik untuk dibincangkan ialah adakah Laksamana Cheng Ho, seorang ahli pelayaran China yang terkenal dalam sejarah pernah singgah di Brunei sepanjang tujuh kali pelayarannya ke samudera Hindia? Menurut Prof. Kong Yuanzhi: 2000, belum terdapat kesepakatan di kalangan para sarjana. Namun bukanlah sesuatu yang mustahil sepanjang tujuh kali pelayaran pelayar terkenal tersebut, mereka singgah di Brunei pada zaman tersebut di samping pusat peradaban Melayu yang lain yang pernah disinggahinya. Walaupun rombongannya tidak singgah di pusat pentadbiran Brunei, kemungkinan mereka pernah singgah di mana-mana pelabuhan di Sarawak atau Santubong pada ketika itu yang merupakan pelabuhan dan persinggahan penting kepada kapal perdagangan. Satu kajian khusus di kalangan pengkaji yang meminati bidang interaksi antara peradaban Melayu dan China mungkin boleh mengkaji skop ini.

Selain daripada itu, seperti yang pernah disebut oleh Huntington setiap peradaban diiringi oleh agama dan faktor agama atau kepercayaan memainkan

peranan utama dalam pembentukan sesuatu peradaban. Kepercayaan menjadi satu kuasa yang membentuk peradaban tersebut. Peradaban China didasari oleh ajaran Buddha dan Confisianisme. Ternyata peradaban China dipengaruhi oleh pemikiran Konfusius dalam interaksinya dengan peradaban lain. Sebagai contoh, asas ajaran Konfusius ialah berkaitan dengan 'ren' dan 'li'. Dalam konteks politik, 'ren' menurut Konfusius bermaksud pemerintahan berdasarkan perikemanusiaan. 'Li' pula ialah membawa konsep pembentukan masyarakat yang berdisiplin dan mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain. Ini dijelaskan lagi dengan

“Meng Xi (pengikut Konfusius) memperkembangkan konsep penghukuman Konfusius. Kedua-dua mereka menganggap 'ren' dan 'li' adalah kod undang-undang yang tinggi. Oleh sebab itu, segala perbuatan yang melanggar kod moral ini dianggap serius. Misalnya Meng Xi menganggap orang yang mencetuskan peperangan, memperluaskan tanah jajahan serta memperkayakan gudang negara sebagai “pencuri rakyat”.” (Ling Liong Ngo, 2000: 141)

Berdasarkan prinsip-prinsip moral begini yang begitu banyak dalam ajaran Konfusiunisme, maka pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban China bukan dalam bentuk berkonflik, tetapi aman dan harmoni.

Namun menurut Hashim Musa, pertalian tamadun Melayu dengan tamadun China pada zaman pra-penjajahan Barat tidak banyak mendatangkan kesan mendalam ke atas peradaban Melayu. Ini disebabkan oleh kedatangan

orang Cina ke alam Melayu tidak didorong oleh perasaan hegemoni dan niat untuk menjajah dan mendominasi alam Melayu. Sebaliknya mereka bersikap baik-baik, saling menghormati dan mengiktiraf kedaulatan sesebuah wilayah. Bahkan terdapat juga kecenderungan mereka untuk mempelajari sesuatu dari peradaban Melayu. Begitu juga kesnya dengan Brunei Darussalam.

Dalam membincangkan bentuk pertembungan peradaban China dengan Peradaban Melayu di Brunei, Awang Ismail Nordin menjelaskan:

“Pola hubungan Brunei-China dari abad ke-10 hingga ke-16 Masehi menampakkan gelombang yang aktif. Hubungan ini berterusan, rapat dan erat sekali. Gelombang hubungan ini progresif dan lebih dinamik lagi dalam abad ke-15M. Pada abad ini rombongan Brunei ke China lebih banyak dan kerap dilakukan berbanding rombongan Negeri China ke Brunei.” (Awang Ismail Nordin, 2001: 183)

Namun interaksi Brunei dengan China yang aman dan harmoni juga wujud masa-masa tertentu terganggu dan merosot. Kemosotan hubungan ini adalah disebabkan oleh kedatangan kuasa Barat yang mempunyai minat yang mendalam dengan kemakmuran yang wujud di Brunei. Sebagai contoh pada masa itu berlaku Perang Kastila antara Brunei dengan Sepanyol. Keamanan yang terganggu akibat serangan Sepanyol ini sedikit sebanyak menjejaskan kestabilan politik di Brunei dan ia menjejaskan perdagangan yang ada. Seperti yang kita ketahui, ketidakstabilan inilah menjejaskan perdagangan yang menjadi tujuan utama

masyarakat China ke Brunei. Ini mungkin menjadi penyebab kepada kemerosotan hubungan China-Brunei selepas itu.

Perubahan politik di China juga mempengaruhi hubungan tradisi Brunei-China. Pada zaman penjajahan kuasa Barat, orang Cina dibawa masuk oleh British ke Brunei seperti mana juga di Tanah Melayu. Pernah berlaku interaksi yang tidak selesa antara orang Melayu dengan orang Cina di Brunei. Ini disebabkan oleh sikap pentadbir British yang menjadikan orang Cina bersikap angkuh dan berani sehingga bendera China dinaikkan di Bandar Brunei. Keadaan ini membawa kepada pergaduhan pada 24 Mac 1946. Pentadbir British di Brunei mengakui kesilapan dasar British sehingga membawa kepada pergaduhan tersebut. Walaupun kes terpencil, sebenarnya ia lebih kepada sikap British dan bukannya mewakili peradaban China seluruhnya. Seperti yang kita faham, di Tanah Melayu, cara British mengasingkan penduduk mengikut kaum sehingga membawa kepada perkauman juga turut digunakan di Brunei. (Muhammad Awang Damit, 1997:6)

Dalam konteks hubungan antarabangsa semasa penjajahan Barat, Brunei mengamalkan dasar British yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan China pada waktu tersebut dikuasai oleh Komunis. Namun begitu keadaan berubah selepas merdeka.

*“Brunei also established its first official ties at the ambassadorial level with the two largest socialist states in 1991. Membership in*

*ASEAN may have been an influence in Brunei's decision to established diplomatic relations with China and Soviet Union (prior to Soviet Union's disintergration at the end of 1991). The diplomatic initiatives had been based on independent policy decisions, flowing along with the tide of the world events. ... Although there had been indirect trade links with China through third countries like Hong Kong, there have been no formal contacts. The initial steps towards bilateral ties were taken in 1989 with the visit of a Chinese trade delegation to Brunei. Subsequently, the UN served as the major conduit for consultation. Visits were exchanged between China's and Brunei's Foreign Ministry officials in 1991 before an agreement was signed at New York on 30 September by the Chinese Foreign Minister, Qian Quichen and Brunei's Prince Mohamad Bolkiah, both of whom were attending the 46<sup>th</sup> General Asssembly." (Puspha Thambipillai, 1992: 285)*

Dengan adanya lawatan perdagangan dan terteranya perjanjian diplomatik tersebut, maka hubungan tradisi yang pernah wujud satu masa dahulu akhirnya disambung semula. Walaupun zaman berubah dalam suasana dan keadaan yang berbeza, Tanah Jajahan Brunei kembali sebagai sebuah Kesultanan Melayu Brunei mula mengorak langkah diplomatik dengan peradaban asing seperti China.

“Apa yang menarik dalam hubungan Brunei-China melalui jalinan perdagangan dan ekonomi ini, jika dibandingkan dengan jalinan lain sejarah yang telahpun tinggal menjadi bahan sejarah, ialah jalinan ini masih berjalan terus sehingga ke hari ini walaupun dalam zaman dan bentuk yang berlainan. Adalah diramalkan bahawa hubungan perdagangan Brunei-China mempunyai prospek

yang baik. terutama sekali apabila perdagangan bebas menjadi trend yang sedang menjadi matlamat negara-negara yang menjadi ahli Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di mana Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Brunei adalah ahli kepada kerjasama ekonomi berkenaan. Dalam hal ini. saiz tidak lagi menjadi penghalang atau sekatan kepada kewujudan perdagangan melalui persaingan.” (Mahmud Saedon, 2001:7-8)

## **2.5 Pengaruh Peradaban China**

Pengaruh daripada pertembungan Peradaban Melayu dengan Peradaban China jelas dapat dilihat dalam pada masa kini dalam beberapa perkara terutamanya berkaitan dengan aspek ekonomi. Ini sememangnya bertepatan dengan penglibatan orang Cina dalam bidang tersebut. Antara pengaruh tersebut ialah

### **2.5.1 Keturunan Cina di Brunei**

Sesuatu yang menarik di Brunei ialah walaupun jelas disebut Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB), namun ia masih membuka ruang kepada bangsa selain Melayu. Dalam konteks masyarakat Cina, terdapat istilah masuk Brunei yang lazimnya digunakan kepada orang Cina yang menjadi warganegara Brunei.

Antara yang disyaratkan ialah, telah diperiksa oleh sebuah Lembaga Bahasa dan Lembaga tersebut berpuas hati bahawa dia:

- i. Mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu yang dianggap baik mengikut seperti yang ditentukan; dan
- ii. Boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih atau tidak boleh bertutur dalam bahasa itu dengan fasih disebabkan oleh kecacatan anggota atau kecacatan percakapan atau pendengaran.

Ternyata pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban China telah menghasilkan satu komuniti masyarakat Cina di Brunei yang dikenali dengan Cina Brunei atau Cina Kitani. Cina Kitani ini mempunyai hak sebagai seorang warganegara Brunei. Terdapat juga di kalangan mereka yang dianugerahkan gelaran seperti Pehin Datu Temenggong dan Pehin Kapitan Cina. Malah mereka juga menggunakan gelaran awang dan dayang yang lazimnya digunakan di pangkal nama rakyat Melayu Brunei. (Hashim Abd. Hamid, 1999:112-113)

### **2.5.2 Gelaran Tradisi Masyarakat Cina**

Sesuatu yang amat menarik dikaji tentang pengaruh hasil daripada pertembungan peradaban China dengan peradaban Melayu di Brunei ialah berkaitan gelaran Tradisi Masyarakat Cina di Brunei. Abdul Latif Ibrahim membincangkan tentang keunikan perkara ini menjelaskan antara tujuannya sebagai:



“.... Penganugerahan gelaran tradisi adalah satu jalan berkesan ke arah strategi ini kerana dengan gelaran tradisi menjadi pengikat kepada hubungan terbaik di antara masyarakat bukan Melayu dengan masyarakat Melayu dan pemegangnya menjadi wakil kepada sultan yang memerintah.” (Abdul Latif Ibrahim, 2001:2)

Sepanjang sejarah Brunei terdapat beberapa gelaran yang digunakan. Antaranya ialah gelaran ‘Pengiran Maharaja Lela’, ‘Pehin Datuk Temenggong’, ‘Pehin Kapitan Cina Kornia Diraja’ dan ‘Pehin Bendahari Cina’. Gelaran-gelaran ini menggambarkan pembabitan masyarakat Cina dalam perdagangan melalui identiti penggunaan perkataan seperti Temenggung, Kapitan dan Bendahari. Selain daripada itu, penganugerahan gelaran kepada masyarakat Cina juga menggambarkan hubungan yang rapat dan erat antara masyarakat Cina dan masyarakat Melayu di Brunei. Pengiktirafan pemerintah terhadap masyarakat Cina menunjukkan mereka telah memainkan peranan besar dalam perkembangan dan pembangunan Brunei Darussalam terutamanya dalam aspek ekonomi. Berbanding dengan masyarakat luar yang lain seperti India, Arab dan Eropah, ternyata masyarakat Cina mempunyai tempat dan kedudukannya yang tersendiri. Kemungkinan masyarakat lain seperti India dan Arab tidak nampak jelas identiti mereka disebabkan mereka telah menyerapkan diri ke dalam masyarakat Melayu berbanding dengan masyarakat Cina yang masih mengekalkan beberapa identiti dirinya dan mengekalkan komunitinya yang tersendiri, di samping dapat menyesuaikan diri mereka dalam masyarakat majoriti Melayu.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas berhujah bahawa sifat peradaban India dan China membawa agama yang tiada sifat tugas menyebarkan ajaran-ajarannya seperti misi agama Kristian atau tabligh Islam, tiada berminat merubah pandangan hidup masyarakat Melayu-Indonesia dengan membawa serta menanam ajaran yang baru untuk mengganti yang lama, menjadikan pengaruh kedua-dua peradaban tersebut berbeza dengan peradaban Islam.(Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990:15) Ternyata faktor ini telah memberi impak besar dalam membentuk pertembungan yang bersifat harmoni dan aman. Elemen agama Hindu yang dibawa oleh peradaban India terlalu bersifat falsafah menjadikan tempiasnya sahaja yang mempengaruhi peradaban Melayu. Tempias tersebut dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti penggunaan bahasa Sanskrit dan dalam pengurniaan gelaran. Manakala pengaruh peradaban China lebih meluas dibandingkan dengan peradaban India. Yang pastinya, kedua-dua peradaban tersebut sedikit sebanyak telah memperkayakan peradaban Melayu di Brunei Darussalam.